

Noh kecewa

kelab

BH- 6/6/2007

disalah erti

KUALA LUMPUR: Pengerusi Pertubuhan Alumni Kelab Umno Luar Negara (Alumni Kelab Umno), Datuk Noh Omar kecewa kerana matlamat penubuhan kelab itu disalahertikan dan ada sesetengah pihak mempolitikkan program anjuran mereka.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pelajaran berkata, Alumni Kelab Umno adalah badan bukan kerajaan (NGO) berdaftar yang ditubuhkan untuk membantu orang Melayu dan agendanya tidak sama dengan parti politik.

Akibat salah faham itu, katanya, mereka tidak mendapat kerjasama pihak tertentu untuk menganjurkan program, sedangkan ia banyak terbabit dalam program membantu generasi muda terutama pelajar sekolah.

"Penubuhan kelab itu adalah usaha bekas pelajar luar negara membantu kerajaan mendidik anak muda mencapai kecemerlangan dalam apa juga bidang dan sebagai tanda terima kasih ahli kelab atas sokongan kerajaan membantu mereka sehingga berjaya dalam pelajaran," katanya di Universiti Malaya (UM), di sini, semalam.